

24/01/1998

Bank tidak harus gelabah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Institusi kewangan tempatan tidak harus menggelabah dengan membekukan pelbagai jenis pinjaman terutama bagi projek perumahan sedangkan mereka mempunyai wang yang cukup untuk tujuan itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan tidak melaksanakan sebarang sekatan pinjaman kerana wang di bank tempatan mencukupi.

"Tetapi beberapa bank berasa mereka sudah melebihi had 15 peratus, jadi mereka tak bagi (keluarkan lagi pinjaman). Bagaimanapun kita boleh buat spesifikasi yang fleksibel," katanya.

Ditanya sama ada beliau berpendapat bank-bank terbabit agak keterlaluan, Dr Mahathir berkata: "Kadang-kadang... beberapa bank berasa mereka sudah mengeluarkan terlalu banyak pinjaman tahun lalu dan mereka ingin mengurangkannya tahun ini. Tetapi itu bukan polisi kerajaan."

Dr Mahathir menjawab soalan pemberita selepas menghadiri dialog 'Wanita dan Ekonomi Semasa' anjuran Badan Amal dan Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai rungutan pemaju perumahan yang sukar memperolehi pinjaman bank untuk membiayai projek mereka termasuk perumahan kos rendah.

Bank Negara baru-baru ini mengarahkan institusi kewangan supaya berhenti memberi pinjaman kepada projek yang belum dimulakan dan menilai daya maju projek berikutan keadaan ekonomi semasa.

Berikutan itu, Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia meminta bank tidak membuat sekatan kredit terutama untuk pembiayaan bagi hartanah yang mampu dibeli iaitu rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana.

Persatuan itu mempunyai 650 anggota dan mengeluarkan antara 70 hingga 80 peratus daripada keluaran perumahan dalam negara.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri yang juga Pengerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata, kerajaan akan menghubungi semua bank bagi mengetahui keadaan sebenar.

"Jika ada bank yang menghadapi sebarang masalah mereka boleh menghubungi kami," katanya.

(END)